

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]
TARIKH : 18.6.2014
SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada wujud silabus bagi Pendidikan Khas bagi kanak-kanak autistik, *celebral palsy*, imperaktif, dan yang mengalami masalah pembelajaran. Jika ya, sila nyatakan. Jika tidak mengapa serta mengapa tiada peruntukan bagi perubatan bagi kanak-kanak OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) menyediakan kurikulum bagi murid di bawah kategori bermasalah pendengaran, bermasalah penglihatan dan bermasalah pembelajaran. Murid bermasalah pembelajaran yang berkefungsian tinggi (termasuk murid autistik) lazimnya diinkluskikan, maka kumpulan ini mengikuti kurikulum arus perdana.

Kurikulum bagi murid bermasalah pembelajaran yang disediakan merupakan kerangka tentang apa yang murid dalam lingkungan umur tertentu patut tahu dan boleh buat. Sungguh pun begitu, berdasarkan keupayaan dan kefungsian murid, guru Pendidikan Khas boleh mengubah suai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran; masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti; susunan aktiviti; dan bahan bantu mengajar.

Bagi murid yang berkefungsian rendah, BPK menyediakan Panduan Pengajaran dan Pembelajaran bagi Murid Berkeperluan Khas (Kurang Upaya Pelbagai) yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran).

Untuk makluman ahli yang berhormat, peruntukan bagi perubatan untuk kanak-kanak OKU adalah terpakai sebagaimana yang tertakhluk bagi kanak-kanak di sekolah harian biasa. Walau tiada peruntukan khas untuk kanak-kanak OKU, mereka masih mendapat perubatan percuma bergantung kepada keperluan mereka jika mereka melalui perkhidmatan perubatan kerajaan yang sedia ada.

Rjm111